

# Pelajar baharu UMSKAL dirai dalam Program Hari Kesihatan Keluarga Junior

Oleh Henry Bating

UB 15.10.2019 7

**LABUAN:** Hari Kesihatan Keluarga Junior (Junior Family Health Day) yang menjadi medan jalinan keakraban kira-kira 400 pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dengan pengurusan kolej kediaman diserikan pelbagai aktiviti kekeluargaan.

Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL Dr Hadzariah Ismail ketika memulakan program itu di padang kampus itu berharap kalangan pelajar baharu dapat menjalin hubungan yang lebih akrab dengan sesama pelajar dan

pihak pengurusan kolej sepanjang menjadi warga kampus.

“Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar institusi pengajian tinggi, jalinan keakraban dan tahap kesihatan yang baik adalah penting untuk dijaga,” katanya di sini semalam.

Pelbagai aktiviti dijalankan sempena program itu melibatkan acara balapan padang, perang makan, ‘fireball’, ‘tic tac toe’, suai padan gambar dan mencipta yell.

Program itu dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) dan Jabatan Kesihatan Labuan (Bahagian Keselamatan dan Kualiti



**ALBUM:** Para peserta selepas program sehari itu.

Makanan).

Sesi mesra yang kemudian diadakan di dewan kuliah

turut melibatkan kalangan pelajar baharu, para pemimpin JAKMAS, felo

kolej kediaman, staf Sektor Perumahan dan Hospitaliti serta Jabatan Kesihatan.